

BAB SATU

PENGENALAN

Pembangunan dan kemiskinan di Malaysia telah menjadi dua isu negara yang tidak dapat dipisahkan. Kemiskinan adalah merupakan satu keadaan hidup yang daif mengikut ukuran-ukuran tertentu manakala pembangunan pula adalah usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup. Dalam kajian ini pembangunan akan dilihat sebagai satu usaha membanteras kemiskinan. Walaupun tanda-tanda peningkatan taraf hidup terus kelihatan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa masalah kemiskinan terus wujud khususnya di luar bandar. Ketidakseimbangan pendapatan serta jurang pendapatan di antara golongan miskin dan kaya terus wujud dalam mana-mana masyarakat.

Majoriti masyarakat Malaysia agak beruntung kerana negara sedang menikmati peningkatan ekonomi yang menggalakkan. Cita-cita pucuk pimpinan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kerajaan khususnya dalam tiga dekad yang terakhir ini telah melipatgandakan usaha untuk merangka dan melaksanakan pelbagai dasar, strategi dan rancangan untuk mengekalkan pertumbuhan sihat ekonomi. Dalam masa yang sama usaha memerangi kemiskinan diperhebatkan kerana menyedari bahawa kemiskinan penduduk merupakan penghambat utama kemajuan.

Bagaimanapun kejayaan memerangi kemiskinan ini masih di tahap yang sederhana, khususnya bagi negeri Sabah. Sehingga berakhirnya Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) ternyata isu-isu ketidakseimbangan sosial terus berlaku. Tidak dapat dinafikan bahawa DEB telah banyak mengubah kedudukan ekonomi golongan tertentu

khususnya Melayu; tetapi dalam masa yang sama golongan/kaum minoriti di Semenanjung (seperti Orang Asli), Sabah dan Sarawak masih ramai yang ketinggalan kenikmatan DEB. Bahkan di kalangan orang Melayu sendiri bukan semuanya berpeluang untuk meningkatkan taraf ekonomi hasil daripada peluang-peluang yang disediakan dalam DEB. Pendeknya DEB gagal mencapai matlamat sepenuhnya. Selain DEB, Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang diperkenalkan pada 1989 adalah satu program yang ditumpukan kepada golongan termiskin. Program ini juga dijalankan di Daerah Kudat. Antara kegiatan yang dibuat ialah skim pinjaman ASB, bantuan perumahan, pengusahaan tanah terbiar, penanaman getah berkelompok, skim tanaman menggantikan tanaman kelapa dan getah kepada kelapa sawit dan memodenkan nelayan. Untuk memberi kesinambungan kepada DEB yang berakhir pada 1990, pihak kerajaan melancarkan Rancangan Jangka Panjang Kedua dengan harapan dapat meneruskan cita-cita DEB.

Usaha-usaha mengurangi kemiskinan di Malaysia telah berlangsung selama 30 tahun. DEB yang terkenal dengan matlamat serampang dua mata iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat boleh dianggap sebagai pendirian kerajaan yang paling lantang menentang kemiskinan. Ramai yang telah menikmati kejayaan DEB. Kadar kemiskinan semakin menurun di bandar dan di luar bandar. Kemiskinan di luar bandar misalnya telah menurun daripada 58.7% pada tahun 1970 kepada 47.8% (1976), 24.7% (1984), 22.4% (1987) dan 19.3% (1990). Kemiskinan di bandar pula telah semakin menurun daripada 21.3% (1970) kepada 17.9% (1976), 8.2% (1984 dan 1987), 7.3% (1990) (Malaysia, Rancangan-rancangan lima tahun). Namun begitu, kejayaan DEB didapati tidak meliputi semua kaum dan ini

mewujudkan apa yang dikatakan sebagai “pocket” iaitu kumpulan masyarakat yang ‘tertinggal’ dalam arus pembangunan yang digerakkan oleh dasar-dasar kerajaan.

Salah satu kumpulan yang dikenalpasti sebagai antara kumpulan yang termiskin ialah masyarakat yang terlibat dengan kegiatan ekonomi saradiri. Masyarakat ini pada umumnya menjalankan kegiatan ekonomi semata-mata untuk memenuhi keperluan kehidupan pada kadar yang minima. Kegiatan ekonomi saradiri bukanlah kegiatan ekonomi yang bermotifkan keuntungan tetapi bertujuan semata-mata untuk memenuhi keperluan isirumah.

Masyarakat saradiri ini sering dilihat sebagai satu fenomena luar bandar khususnya di negara-negara sedang membangun. Masalah kemiskinan yang mereka hadapi biasanya dikaitkan dengan faktor-faktor seperti produktiviti yang rendah, penggunaan tanah yang tidak ekonomik, aktiviti berskala kecil, kekurangan input moden serta pengeluaran yang tidak bermotifkan keuntungan.

Selain daripada itu, wujud juga isu-isu seperti gunatenaga tidak penuh dalam kegiatan ekonomi, kegiatan ekonomi bermusim serta menghadapi masalah kekurangan infrastruktur, masalah modal, masalah buta huruf, pemakanan tidak seimbang serta sering mengalami masalah kesihatan.

Keadaan ini seolah-olah telah menutup peluang golongan ini untuk meninggikan taraf hidup mereka. Dalam hal ini pengamal-pengamal kegiatan saradiri khususnya petani pindah amat memerlukan bantuan untuk mengurangkan masalah sosio-ekonomi yang

mereka hadapi. Persoalan yang memerlukan penjelasan ialah, sejauhmanakah pihak pemberi bantuan benar-benar memahami keadaan dan keperluan mereka?

Walaupun pertumbuhan ekonomi Malaysia dikatakan amat pesat semenjak 20 tahun lepas (kecuali 1985 dan 1986 semasa kemelesetan ekonomi dunia); ternyata pertumbuhan ini tidak banyak memberi makna kepada golongan miskin, golongan yang sepatutnya paling merasakan kesan pertumbuhan ekonomi. Mereka masih di takuk lama. Dengan perkataan lain, pertumbuhan tersebut ‘gagal menitik’ ke lapisan masyarakat yang paling bawah. Malah pertumbuhan pada kadar 7% hingga 9% di antara tahun 1987 hingga 1995 didapati tidak menunjukkan hubungan langsung dengan peningkatan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Menurut World Bank (1990); pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak menjamin berkurangnya masalah kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi yang rendah pula tidak semestinya meninggikan kadar kemiskinan sesebuah negara.

Kecenderungan untuk mengukur kadar kemakmuran ekonomi negara melalui Keluaran Negara Kasar (KNK) serta menggunakan sebagai pengukur kadar pertumbuhan ekonomi, ternyata tidak menggambarkan keadaan kemakmuran yang sebenar. Peningkatan atau penurunan taraf hidup gagal ditunjukkan dengan tepat. Lebih buruk lagi pergantungan yang melulu terhadap pertumbuhan ekonomi (terutama semasa pertumbuhan tinggi dicatatkan) sebagai indeks mengukur kemakmuran ekonomi masyarakat secara menyeluruh boleh menyebabkan pihak kerajaan kurang terdorong untuk melipatgandakan usaha memperbaiki lagi ekonomi khususnya golongan yang

berpendapatan rendah. Pertumbuhan ekonomi sebagai indeks kemakmuran seolah-olah benar di atas kertas perangkaan sahaja.

Berdasarkan senario kemiskinan yang kompleks dan rumit ini, ditambah pula dengan keadaan negara yang sedang mengalami transisi ekonomi dari ekonomi pertanian ke ekonomi industri dan dari sara diri ke kapitalis; maka kajian kemiskinan amat memerlukan satu pengajian yang mendalam dan teliti.

1.1 Tujuan Kajian

Masyarakat Rungus yang terlibat dalam kajian ini adalah masyarakat pengkaji sendiri. Keinginan pengkaji untuk melihat kaum Rungus setanding dalam kedudukan ekonomi (khususnya) dengan kumpulan masyarakat yang lain merupakan pendorong utama pengkaji menjalankan kajian ini.

Dalam berhadapan dengan masyarakat yang perlukan perhatian segera untuk dibangunkan, skop untuk mengeneralisasikan masalah masyarakat tersebut sebagai sama dengan masalah (kemiskinan) yang berlaku di dalam masyarakat lain haruslah dielakkan. Andaian seperti ini telah mengabaikan kenyataan bahawa walaupun masalah yang dihadapi adalah sama (seperti masalah kemiskinan) namun keadaan serta latar belakang masalah tersebut tidak semestinya sama apatah lagi perbandingan itu dilakukan ke atas dua masyarakat yang berbeza. Untuk mengelakkan kecenderungan seumpama ini berlaku, kajian yang terperinci harus dilakukan untuk mengetahui latar belakang dan

keadaan sosio-ekonomi sesebuah masyarakat yang bakal menjadi sasaran perubahan dan pembangunan.

Tujuan umum kajian ini ialah untuk mengenalpasti keadaan sosio-ekonomi kaum Rungus khususnya mereka yang terlibat dengan kegiatan pertanian pindah. Perkara ini amat penting kerana keadaan sosio-ekonomi mereka akan memberikan petunjuk mengenai hubungan di antara kegiatan pertanian pindah dan masalah kemiskinan yang mungkin mereka hadapi. Di samping itu, perhatian khusus juga diberikan terhadap idea dan persepsi masyarakat petani pindah di kawasan kajian mengenai isu-isu ekonomi seperti masalah kemiskinan, pemilikan tanah, pertanian pindah dan komersil, rancangan masa depan serta isu-isu kemasyarakatan.

Tujuan kajian ini secara lebih khusus ialah:

- (a) Untuk memahami persoalan-persoalan budaya dan kepercayaan tradisional yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi.
- (b) Untuk menilai objektif dan pencapaian program-program pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan atau agensi-agensi kerajaan di kawasan kajian dan kawasan-kawasan yang berhampiran.
- (c) Untuk menyediakan maklumat bagi meningkatkan keberkesanan rancangan pembangunan di kawasan kajian (dan kawasan lain) pada masa hadapan.
- (d) Selain daripada itu, kajian ini juga akan menambahkan lagi rekod etnografi masyarakat Rungus di Sabah.

1.2 Skop Kajian

Kajian ini telah meneliti hubungan di antara masalah kemiskinan dan amalan pertanian pindah dalam suku kaum Rungus di Sabah serta usaha-usaha untuk membangunkan komuniti Rungus.

Telah menjadi satu pendapat umum bahawa pengamal kegiatan ekonomi saradiri khususnya pertanian pindah akan mengalami masalah kemiskinan. Sebab-sebab masalah ini berlaku antaranya ialah produktiviti yang rendah, penggunaan tanah yang tidak ekonomik, tidak berdaya maju, teknologi tradisional serta tidak berorientasikan keuntungan.

Kajian ini akan meninjau sejauhmanakah masalah kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat petani pindah. Penelitian akan ditumpukan kepada kegiatan ekonomi mereka khususnya pertanian pindah serta kegiatan-kegiatan ekonomi bukan pertanian yang mereka jalankan.

Lanjutan daripada tinjauan terhadap tahap kemiskinan yang dialami, kajian ini seterusnya akan meneliti persoalan budaya dan kepercayaan yang selama ini mungkin mempengaruhi dasar tingkah laku ekonomi yang diamalkan dan setakatmanya relevannya nilai-nilai dalam konteks pembangunan orang Rungus. Seterusnya, penelitian juga akan dilakukan ke atas persoalan-persoalan sikap dan motivasi dalam konteks kegiatan ekonomi yang mereka jalankan dan konteks pembangunan di sekeliling komuniti mereka.

Tahap penerimaan program pembangunan dari luar akan menguji persoalan-persoalan nilai, sikap dan motivasi mereka.

Lokasi Kajian

Dari segi lokasi, (lihat peta 1) lapangan kajian adalah di Daerah Kudat, Sabah. Dua kawasan kampung telah dipilih sebagai kawasan kajian. Kg. Tinangol akan mewakili kampung-kampung yang berada pada tahap peralihan iaitu kampung-kampung yang agak maju. Kg. Tinangol mempunyai banyak kemudahan awam seperti bekalan elektrik (6 jam sehari), telefon, air paip, klinik, sekolah rendah yang berdekatan, tadika, dewan serba guna, bangunan ibadah serta berdekatan dengan jalan raya utama. Penduduk di Kg. Tinangol juga mempunyai peratusan yang agak tinggi yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta. Walaupun begitu, majoriti ketua keluarga (60%) masih mengamalkan kegiatan pertanian pindah. Tahap kemajuan Kg. Tinangol ini menjadikannya sesuai untuk mewakili kampung-kampung yang majoriti penduduknya masih menjalankan kegiatan pertanian pindah tetapi dalam masa yang sama telah mengecap pelbagai bentuk kemajuan atau pembangunan.

Kg Panudahan Jambu, Kg. Buranak Silad dan Kg. Rita pula akan mewakili kampung-kampung yang masih di tahap tradisional dalam erti kata masih kurang kemudahan awam seperti yang disebutkan di atas dan jika adapun agak jauh (seperti sekolah dan klinik), lebih terpencil, lebih kuat berpegang kepada amalan tradisional (animisme, pantang larang dan sebagainya) dan pada umumnya kedudukan ekonomi mereka lebih mundur berbanding dengan penduduk di Kg. Tinangol. Peratusan yang

bekerja di sektor awam atau swasta juga sangat rendah dan majoriti ketua keluarga (lebih 90%) terlibat aktif dengan kegiatan ekonomi pertanian pindah. Berbanding dengan Kg. Tinangol, keadaan yang lebih mundur (tetapi tidak terlalu mundur) menyebabkan kampung-kampung ini sesuai untuk mewakili kampung-kampung yang masih di tahap tradisional tetapi telah mula mendapat perhatian pihak tertentu untuk projek-projek pembangunan.

Kedua-dua kawasan kampung juga terletak di sepanjang Jalan Indarason. Ini membolehkan pengkaji mengunjungi tempat-tempat berkenaan dengan menggunakan pengangkutan awam iaitu lori atau van.

Walaupun kedua-dua kampung ini mengalami dua tahap kemajuan yang berbeza tetapi majoriti penduduknya masih mengamalkan kegiatan pertanian pindah. Daripada keadaan ini, penelitian akan dilakukan untuk melihat sejauhmanakah amalan ekonomi dan budaya pertanian pindah ini berterusan dalam dua tahap kemajuan yang berbeza.

Populasi Kajian

Kajian ini akan ditumpukan kepada petani pindah sepenuh masa sahaja iaitu mereka yang memenuhi salah satu daripada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah iaitu:

1. Menjalankan pertanian pindah sebagai punca utama mendapatkan makanan serta menjalankan kegiatan ekonomi lain seperti kraftangan, menjual hasil pertanian, ternakan dan mengutip hasil hutan .
2. Menggunakan kebanyakan masa kerjanya untuk tujuan pertanian pindah.

3. Masih menganggap diri mereka sebagai petani walaupun mungkin pada masa kajian dibuat mereka tidak menjalankan kegiatan tersebut kerana sebab-sebab peribadi.

Masa Kajian

Dari segi masa, kajian ini telah dijalankan pada pertengahan bulan Mac hingga awal bulan September 1996. Kajian ini telah mengambilkira maklumat pertanian daripada hasil pengeluaran 1995/96 iaitu hasil ladang yang dibuka pada bulan Julai, 1995 dan dituai pada April 1996. Bagaimanapun terdapat juga maklumat ladang diambil daripada pengeluaran 1994/95 untuk tujuan perbandingan. Untuk hasil-hasil pertanian lain, anggaran pendapatan tahunan terpaksa dilakukan kerana penghasilan mereka tidak menentu mengikut keluangan masa di *tagad*. Cara mendapatkan hasil pertanian komersil juga berbeza-beza khususnya kelapa begitu juga dengan cara menjual. Tinjauan awal pengkaji juga menunjukkan mereka tidak menyimpan rekod hasil-hasil pertanian mereka.

1.3 Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan yang telah digunakan untuk menganalisis kegiatan pertanian pindah dan hubungannya dengan kemiskinan ialah kaedah soal selidik yang mana borang soal selidik telah diisikan sendiri oleh pengkaji sambil menemuramah responden. Perkara ini terpaksa dilakukan kerana ramai responden yang buta huruf. Selain dari itu, dengan cara ini juga pengkaji berpeluang untuk mencatatkan sendiri maklumat-maklumat yang tidak ditanya dalam soal selidik semasa menjalankan temuramah. Ini bermakna kebanyakan data kajian adalah diperolehi daripada kerja lapangan di tempat kajian dan

juga daripada pejabat-pejabat kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Perhutanan Sabah dan Koperasi Pembangunan Desa, dan institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan Pembangunan (Sabah) (IDS). Kajian perpustakaan juga merupakan satu lagi sumber maklumat yang amat penting untuk kajian ini.

Semasa menjalankan soal selidik selama kira-kira enam bulan (Mac hingga September 1996), pemerhatian ikut serta juga dilakukan. Tingkah laku dan percakapan masyarakat kajian merupakan perkara utama yang diperhatikan. Umpamanya pada 30 Mac 1996 (Kg. Panudahan), pengkaji memerhatikan dan mendengar tawar-menawar seorang wanita dari Kg. Muhang (kira-kira 5 km dari Kg. Panudahan) yang mahu menjual *gadul* (sejenis gong) untuk membiayai perbelanjaan perubatan cucunya di Hospital Daerah Kudat. Hasil pemerhatian ini kemudiannya membawa kepada kesimpulan bahawa wang ‘simpanan’ bagi masyarakat tradisional adalah tidak semestinya dalam bentuk wang. Dalam hal ini ‘simpanan’ tersebut adalah dalam bentuk barang kebudayaan yang boleh ditukarkan kepada wang apabila diperlukan. Apabila seorang petani di Kg. Tinangol terjatuh di tangga dan mengalami kecederaan tulang belakang yang agak serius, kerja-kerja menuai *tagadnya* terpaksa dilakukan oleh anak lelakinya secara berseorangan. Bagaimanapun pada minggu berikutnya, (8 April 1996) hampir semua penduduk Kg. Tinangol menghantar seorang wakil keluarga masing-masing untuk membantu menuai padi petani berkenaan. Hasilnya 46 orang mengerjakan *tagad* tersebut sehingga kerja selesai dalam masa sehari. Penyertaan pengkaji dan ibu bapa pengkaji dalam gotong-royong ini telah memberikan peluang untuk mengalami sendiri betapa kuatnya semangat bekerjasama penduduk kampung apabila salah seorang penduduk memerlukan bantuan mereka. Mereka tahu kesukaran untuk menuai padi

tersebut berseorangan serta risiko kerosakan padi sekiranya lambat dituai. Pengalaman ini kemudiannya memberikan jawapan kepada persoalan sebab mereka tidak mahu mengambil risiko mencuba tanaman baru. Ini kerana tindakan (mencuba) itu berkemungkinan besar akan mendapat sokongan yang serupa sekiranya mereka menghadapi masalah kerana penduduk lain tidak mengetahui secara terperinci masalah dan risiko yang bakal dihadapi oleh petani terlibat.

Kaedah soal selidik dan pemerhatian ikut serta ini didapati paling sesuai untuk tujuan kajian ini. Kedua-dua kawasan kajian mempunyai persamaan daripada segi latar belakang budaya tetapi mempunyai perbezaan yang agak jelas daripada segi tahap kemajuan yang sedang dialami. Melalui kajian secara soal selidik, penemuan telah dapat diperincikan kepada isu-isu yang sukar diperolehi dengan menggunakan kaedah-kaedah yang lain. Kaedah pemerhatian pula melengkapkan jawapan-jawapan soal selidik yang mana petunjuk-petunjuk itu diperolehi secara langsung daripada kehidupan harian mereka.

Maklumat statistik diperolehi melalui temuramah formal yang menggunakan borang soal selidik. Tidak dapat dinafikan bahawa penjelasan statistik adalah perlu kerana dapat menyediakan maklumat-maklumat yang objektif dan komprehensif dalam menyatakan penemuan-penemuan kajian. Malah penjelasan statistik mampu membuat pelunjuran untuk menjangkakan keadaan pada masa hadapan. Kelebihan-kelebihan penjelasan statistik ini telah digarap sebaik mungkin oleh Leur dan rakan-rakan (1987).

Untuk tujuan soal selidik, sebanyak 60 petani telah dijadikan responden iaitu 30 orang di Kg. Tinangol dan 30 orang lagi di Kg. P/R/B. Jumlah ini adalah meliputi kira-kira 50% petani di kedua-dua kawasan kajian. Teknik persampelan yang digunakan adalah secara rawak. Bagaimanapun untuk petani-petani yang tinggal di rumah panjang, persampelan secara sistematik digunakan iaitu dengan menemuramah responden yang tinggal selang satu bilik/unit di antara satu sama lain. Pengkaji bagaimanapun berpendapat soal bagaimana persampelan dilakukan kurang mempengaruhi penemuan kerana subjek adalah sangat homogenus.

Pemerhatian ikut serta telah dijalankan selama 6 bulan iaitu 3 bulan di Kampung Tinangol dan 3 bulan di Kampung Penudahan Jambu, Buranak Silad dan Rita (Kg. P/R/B). Pengkaji telah tinggal bersama-sama dengan orang-orang kampung serta ikut serta dalam kegiatan harian mereka terutama aktiviti-aktiviti di ladang dan kegiatan sosial yang lain. Maklumat daripada pengalaman dan pemerhatian telah dikumpulkan setiap hari. Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat mengetahui maklumat geografi kawasan kajian secara menyeluruh. Dalam tempoh 6 bulan tersebut pengkaji telah berada di tempat kajian serta beberapa kali ke Kudat dan Kota Kinabalu untuk urusan di jabatan-jabatan kerajaan dan Institut Kajian Pembangunan (Sabah) (IDS). Kerja lapangan telah dimulakan pada pertengahan bulan Mac dan berakhir pada 7 September 1996.

Sepanjang masa kajian dilakukan, pengkaji telah mengagihkan masa secara berganti-ganti di antara kedua-dua kawasan kajian iaitu dengan cara menghabiskan masa seminggu atau dua minggu di Kg. Tinangol dan kemudian menghabiskan masa seminggu

atau dua minggu di Kg. P/R/B. Ini bertujuan untuk membolehkan pengkaji melibatkan diri (dan membuat pemerhatian) dalam musim-musim tertentu kegiatan di *tagad*. Umpamanya musim menuai pada bulan Mac hingga April, musim memijak padi pada bulan April/Mei dan musim menebas/memotong kayu pada bulan Julai/Ogos. Selain daripada itu beberapa soalan dalam soal selidik memerlukan pengkaji menanyakannya sebelum bulan tertentu seperti soalan di mana akan membuka *tagad* pada tahun ini (1996/97)?

Antara kandungan soal selidik untuk responden (ketua isi rumah) ialah maklumat isi rumah, aspek demografi, pemilikan harta tanah, agama, taraf pendidikan isi rumah, kegiatan-kegiatan ekonomi, perbelanjaan dan tabungan, persepsi masa depan, persepsi tentang isu-isu kemiskinan, kemasyarakatan, politik dan sebagainya.

Pengkaji juga telah menyediakan soal selidik yang lebih umum khusus untuk tokoh-tokoh masyarakat setempat. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang bilangan penduduk/keluarga, masalah-masalah sosial yang berkaitan dengan pertanian pindah seperti perebutan kawasan ladang dan seumpamanya, bentuk bantuan yang diberikan oleh orang kampung kepada anggota masyarakat yang uzur (tidak dapat membuka ladang), atau ditimpa bencana. Maklumat mengenai kegiatan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan juga dapat diperolehi daripada soal selidik khas ini.

Pada 1 Jun 1996, penyelia saya iaitu Dr. Rokiah Talib telah datang melawat saya ke tempat kajian dilakukan. Pengamatan beliau yang lebih tajam telah membantu saya melihat masyarakat Rungus secara lebih akademik. Apabila beliau melihat seorang

budak lelaki berumur 11 tahun sedang mengendong adik perempuannya (berumur 2 tahun), pertanyaan beliau tentang fenomena ini sama sekali di luar jangkaan pengkaji kerana kejadian tersebut berlaku hampir setiap hari di hadapan pengkaji ! Pertanyaan beliau ini kemudiannya menjawab persoalan bagaimana tanggung jawab setiap ahli dalam sesebuah keluarga (tanpa mengira jantina) dan bagaimana pembahagian dan pewarisan harta ditentukan. Lawatan beliau walaupun singkat tetapi telah memberikan ‘insight’ baru kepada pengkaji semasa menjalankan kerja lapangan.

Akhir sekali, kajian perpustakakan telah dijalankan untuk menyelidiki bahan-bahan yang ditulis lebih awal khususnya yang berkaitan dengan isu-isu kemiskinan dan pembangunan luar bandar. Kajian perpustakaan diperlukan untuk mendapatkan data-data sekunder yang mana tidak dapat diperolehi sendiri oleh pengkaji semasa kajian ini dilakukan.

1.4 Sumbangan dan Kepentingan Kajian

Kefahaman yang jelas tentang masalah sosio-ekonomi sesebuah kumpulan masyarakat adalah amat penting sekiranya terdapat rancangan untuk melakukan perubahan kepada struktur ekonomi masyarakat tersebut. Program mengubah struktur ekonomi sesebuah masyarakat yang lebih dikenali sebagai ‘pembangunan’ kemungkinan akan gagal semata-mata kerana kegagalan memahami masalah sosio-ekonomi di peringkat awal. Hasilnya ‘pembangunan’ yang dikatakan mampu meningkatkan taraf hidup sebaliknya hanya meletakkan kumpulan sasaran dalam situasi ekonomi yang asing bagi mereka tanpa memberikan pembangunan ekonomi dalam ertikata yang sebenar.

Selain itu, pembangunan dan perubahan ke atas struktur ekonomi khususnya di kalangan masyarakat tradisional tanpa penyelidikan dan kefahaman yang mendalam, akan hanya mendedahkan mereka kepada sistem ekonomi dunia yang di luar kawalan mereka dan seterusnya masyarakat itu kehilangan arah. Appel (1992a). Kesan daripada kehilangan arah ini menurut Eder (1985) dalam kajiannya di Filipina, ialah anggota masyarakat yang bergantung kepada satu atau dua jenis tanaman sahaja menjadi lebih ‘vulnerable’, ‘less adaptive’ dan lebih miskin berbanding dengan anggota masyarakat yang mengekalkan kepelbagaiannya hasil/tanaman pertanian. Menurut Appel lagi (1972), kesan akhir perubahan ini ialah kerajaan terpaksa membantu semula untuk membekalkan input-input dan keperluan lain seperti baja dan racun serangga. Ini tidak diperlukan oleh masyarakat sebelum perubahan dilakukan. Keadaan-keadaan yang disebutkan ini berkemungkinan besar dapat dielakkan melalui kajian dan kefahaman yang jelas tentang sistem sosio-ekonomi sesebuah masyarakat yang mahu dibangunkan. Pembangunan yang dirancang juga akan menepati matlamat yang sepatutnya.

Selain itu, kajian ini juga akan memperluaskan lagi skop dan definisi kemiskinan. Kajian ini akan cuba menjelaskan bahawa kemiskinan bukanlah satu perkara yang homogenous di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sebagai contohnya, takrifan-takrifan kemiskinan mutlak yang digunakan sekarang ini gagal menjelaskan bagaimana seseorang yang berpendapatan tunai kurang RM150.00 sebulan tetapi mempunyai simpanan dalam bentuk barang kebudayaan yang bernilai lebih RM30,000 ! Takrifan kemiskinan secara relatif juga gagal dan sukar menjelaskan bagaimana seorang petani saradiri yang pada tanggapan takrifan ini secara relatifnya

mengalami kehidupan yang lebih susah berbanding dengan mereka yang mempunyai pekerjaan tetap tetapi, dalam masa yang sama petani saradiri ini sebenarnya memiliki lebih 40 ekar (16.2 hektar) tanah ! Lebih menarik lagi, walaupun masyarakat yang dikaji sentiasa diletakkan sebagai kumpulan termiskin tetapi ramai di antara mereka tidak berasa kehidupan mereka sebagai miskin kerana mereka mempunyai idea atau pendapat sendiri tentang siapa yang sebenarnya miskin. Jawapan kepada persoalan-persoalan ini sudah tentu akan dapat mengembangkan lagi skop, definisi dan pengertian kemiskinan.

Sebagai kesimpulannya, kajian dan penyelidikan awal amat penting dan kritikal sebagai panduan untuk melakukan perubahan dan pembangunan yang menyeluruh kepada masyarakat ini. Sumbangan kajian ini secara terperinci adalah seperti berikut:

- (a) Memberikan maklumat sosio-ekonomi dan sosio-budaya masyarakat Rungus di Sabah.
- (b) Menyediakan maklumat tentang ‘idea dan falsafah’ kehidupan masyarakat ini supaya ‘orang luar’ khususnya pembuat dasar dan pelaksana lebih memahami kehidupan mereka.
- (c) Menyediakan data kawasan kajian yang penting untuk rancangan pembangunan akan datang.
- (d) Kajian ini juga akan memperbanyakkan rekod etnografi masyarakat Rungus.
- (e) Memberikan penilaian terhadap program-program pembangunan yang telah dan sedang dijalankan di kawasan kajian melalui pandangan masyarakat setempat.

1.5 Masalah Kajian

Semasa menjalankan kajian ini pengkaji tidak mengalami sebarang masalah untuk memasuki kawasan kajian kerana pengkaji sendiri berbangsa Rungus dan salah satu kawasan kajian merupakan kampung asal pengkaji iaitu Kampung Tinangol. Walaupun pengkaji amat jarang berada di Kg. Panudahan, Kg. Buranak Silad dan Kg. Rita namun mereka juga mengenali keluarga pengkaji terutama bapa pengkaji yang merupakan petugas agama di Daerah Kecil Matunggung, Kudat di mana kedua-dua kawasan kajian ini terletak.

Selain itu terdapat juga hubungan kekeluargaan yang rapat di Kg. P/R/B. Pengkaji menginap di rumah Encik Majingga Musarang iaitu sepupu kedua kepada pengkaji di Kg. Buranak Silad dan menginap di rumah Encik Makahwin Jomiya di Kg. Rita yang merupakan abang ipar Encik Majingga Musarang. Pengkaji juga tidak menghadapi masalah bahasa. Penerimaan yang sangat baik terhadap kehadiran pengkaji di kedua-dua kawasan kajian telah membolehkan pengkaji menjalankan soal selidik tanpa perasaan syak wasangka. Kelebihan ini telah membolehkan pengkaji mendapatkan data-data yang mungkin mustahil dapat diperolehi oleh ‘orang luar’ seperti kekerapan mereka berhutang, jumlah hutang, nilai harta yang berada dalam simpanan, parti politik yang disukai (tidak dimasukkan dalam tesis) serta maklumat-maklumat dalam kampung yang tidak mungkin akan diceritakan kepada ‘orang luar’. Bagaimanapun pengkaji juga menghadapi masalah semasa kajian dilakukan.

Masalah pengkaji yang paling besar ialah berpunca daripada bangsa pengkaji sendiri. Sebagai orang Rungus, perspektif pengkaji dalam menjalankan kajian ini sering dipengaruhi oleh perasaan simpati pengkaji terhadap kedudukan sosio-ekonomi masyarakat Rungus. Kadang-kadang terdapat perasaan segan untuk menyatakan perkara-perkara yang pada tanggapan pengkaji lebih baik didiamkan sahaja. Sentimen peribadi ini tentunya tidak sihat untuk kajian ini. Pengkaji terpaksa sering mengingatkan diri sendiri bahawa sentimen haruslah diketepikan sama sekali dalam menjalankan kajian ini. Dalam menyelesaikan kajian ini, pengkaji telah berusaha sebaik mungkin untuk meletakkan diri pengkaji sebagai ‘pengkaji’ semata-mata.

Pengkaji juga menghadapi masalah mendapatkan maklumat yang tepat terutama mengenai pendapatan hasil pertanian mereka. Mereka didapati tidak menyimpan rekod pendapatan. Oleh itu pengkaji terpaksa melakukan anggaran pendapatan mereka berdasarkan pendapatan mereka yang terkini. Masalah ini dapat dikurangkan dalam menentukan jumlah nilai barang kebudayaan dalam simpanan mereka kerana semua responden begitu yakin menyatakan barang-barang dan nilai barang yang berada dalam simpanan mereka hanya dengan mengingatinya (tanpa merujuk kepada sebarang cacatan).

Semasa kerja lapangan dimulakan pada hujung bulan Mac 1996, kebanyakan petani sedang sibuk melakukan kerja-kerja menuai sehingga penghujung bulan April. Walaupun seseorang petani itu telah selesai menuai, rasa tanggungjawab untuk membantu ahli keluarga yang lain untuk menuai menyebabkan kesibukan menuai sepanjang dua bulan tersebut tidak putus-putus. Petani yang mempunyai *tagad* yang

besar pula sering menjemput petani yang telah selesai menuai (biasanya petani yang tidak membuka *tagad* atau membuka *tagad* bersaiz kecil iaitu kurang satu ekar) untuk menuai di *tagadnya*. Penuai ‘jemputan’ ini biasanya akan diberikan kebebasan mengambil padi dengan memenuhi *saging* atau *barazit* (lihat plat 20) yang dibawanya sebagai upah membantu menuai. Pada bulan Julai hingga September 1996, kerja-kerja menebang dan membakar *tagad* dilakukan. Seperti menuai, semangat penduduk untuk membantu satu sama lain sama ada bergotong royong (bekerja secara timbal-balas terutama semasa menebang) atau membantu semata-mata (semasa membakar) juga menyebabkan kesibukan mereka sepanjang bulan tersebut juga tidak putus-putus. Ketiadaan ketua isi rumah (khususnya) pada waktu siang pada bulan-bulan tersebut (Mac, April, Julai, Ogos, September) menyebabkan temuramah soal selidik kurang lancar. Pengkaji pula mengambil polisi tidak mahu mengganggu kegiatan harian mereka untuk meminimakan ‘gangguan’ berikutan kehadiran pengkaji di kawasan mereka.

Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji telah menjalankan temuramah pada waktu malam. Tetapi soalan yang agak banyak dalam borang soal selidik menyebabkan kebanyakan temuramah tidak dapat diselesaikan dengan satu lawatan sahaja. Kadang-kadang pengkaji melakukan tiga kali lawatan pada waktu malam untuk menyelesaikan satu set borang soal selidik. Masalah keletihan para petani yang sehari suntuk bekerja di *tagad* juga kurang membantu untuk menyediakan suasana yang terbaik untuk menemuramah mereka.

Pengkaji juga banyak menghabiskan masa untuk ‘memperkenalkan’ tujuan kajian kepada responden. Walaupun pengkaji telah mengumumkan melalui gereja

maksud dan tujuan kedatangan pengkaji di kawasan mereka, tiap-tiap responden yang ditemuramah biasanya akan meminta penjelasan terperinci daripada pengkaji. Oleh itu banyak masa juga digunakan untuk ‘memperkenalkan’ kajian sebelum kajian sebenar dilakukan. Walaupun perkara ini mungkin menjadi satu masalah dari segi masa tapi dalam masa yang sama, ini telah memberikan peluang kepada pengkaji mendapatkan kepercayaan mereka untuk memberikan maklumat yang tepat tanpa perasaan ragu-ragu. Peluang memperkenalkan kajian dan diri pengkaji telah membolehkan kehadiran pengkaji diterima dengan lebih terbuka oleh penduduk kampung.

Penerimaan mereka yang terbuka ini bagaimanapun turut mendorong turut mendorong masalah kepada pengkaji. Pada masa kajian dimulakan kerja-kerja menuai dan memijak padi sedang dijalankan. Di Kg. Panudahan dan Kg. Buranak hampir setiap hari pada bulan April dan Mei diadakan majlis keramaian yang merayakan hasil di *tagad* masing-masing. Pada masa ini juga petani mengadakan sambutan upacara-upacara lain untuk disempenakan dengan Pesta Menuai seperti memperingati kematian (*lumuvas*), harijadi, perkahwinan dan jamuan selepas memijak padi. Selain itu, pertemuan dan perbualan dua atau tiga orang selalunya akan memulakan acara ‘minum tapai’. Sebagai orang asing yang berada di tempat mereka, pengkaji menjadi sasaran jemputan setiap keramaian yang dianjurkan. Sebagai memenuhi tanggung jawab sosial (dan sebagai seorang Rungus) pengkaji menghadiri hampir semua keramaian tersebut. Penglibatan terhadap aktiviti sosial dalam dua bulan tersebut sedikit sebanyak telah mengurangkan kelancaran kajian pengkaji. Bagaimanapun penglibatan tersebut membolehkan pengkaji membuat pemerhatian dalam suasana keramaian.